



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO AHAD			
TARIKH	:	8/8/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	PERHILITAN			

Kosmo Ahad, 8
Ogos 2021_11

Lari tinggalkan haiwan eksotik

RANTAU PANJANG – Sekumpulan lelaki sanggup lari meninggalkan pelbagai spesies haiwan eksotik dipercayai diseludup bernilai RM67,600 selepas pangkalan haram Bilal Dollah di sini, diserbu pasukan Batalion 9, Pasukan Gerakan Am (PGA) kelmarin.

Pegawai Pemerintah Batalion 9 PGA, Superintendan Nor Azizan Yusof berkata, operasi pada pukul 7 malam itu dilakukan selepas pihaknya menjalankan pemantauan di kawasan pangkalan haram tersebut.

Semasa intipan dilakukan,

anggota PGA ternampak kelibat sekumpulan lelaki dalam keadaan mencurigakan sedang memunggah kotak di lokasi itu.

“Menyedari kehadiran pihak berkuasa, kumpulan lelaki tersebut melarikan diri ke Thailand dengan menaiki perahu dengan meninggalkan kotak-kotak berkenaan,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Pemeriksaan di dalam kotak itu mendapati ia mengandungi pelbagai jenis haiwan eksotik iaitu 206 ekor katak, labi-labi (50 ekor), anak ular (24 ekor), burung

kakak tua (tiga ekor) dan iguana (seekor).

Menurut Nor Azizan, siasatan awal mendapati, kesemua haiwan itu dibawa masuk secara haram selepas mendapat permintaan tinggi di negara ini.

Ujarnya, kesemua haiwan eksotik itu akan diserahkan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) negeri ini untuk tindakan lanjut.

Kes disiasat mengikut Seksyen 60(1)(a) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.

